

Pelajar IIC dalami kerjaya RELA

» Program dedah kerjaya pasukan sukarelawan, bentuk sahsiah diri

► Gombak

Tujuh pelajar Kolej Islam Antarabangsa (IIC) menjadikan Program Ujian Kemahiran Menembak RELA (UKMR) RELASIS Universiti 2015 di Akademi Latihan RELA Malaysia (ALARM) Sungai Udang Melaka, sebagai landasan mendalami kerjaya pasukan sukarelawan beruniform di negara ini.

Ketua Pegawai Eksekutif IIC, Shamsul Kahar Haron, berkata, program itu banyak memberi pendedahan berguna kepada pelajar dan dapat mendalami bagaimana kerjaya pasukan sukarelawan.

Beliau berkata, RELA adalah pasukan sukarelawan beruniform pertama ditubuhkan di IIC dan lebih membanggakan, pelajar kolej itu diberi kesempatan sulung untuk menyertai program peringkat kebangsaan antara universiti.

"Walaupun pasukan berkenaan baru dibentuk di IIC, pelajar yang dipilih berkesempatan menyertai pelbagai acara seperti latihan asas menembak menggunakan M16, Shotgun, Colt Pistol, latihan teori dan praktikal dalam RELA termasuk pertandingan menembak.

Beri pendedahan
"Selain tumpuan kepada akademik di kolej, dengan adanya pendedahan dalam program sukarelawan seperti RELA, pelajar yang terlibat



Shamsul (dua dari kanan) turut hadir dalam program tiga hari itu.



Tujuh pelajar IIC yang menyertai program UKMR RELASIS Universiti 2015 di Sungai Udang, Melaka.

berpeluang membentuk sahsiah diri terhadap pasukan beruniform pada peringkat kebangsaan," katanya selepas menyertai pertandingan peringkat pegawai dalam acara Pistol 9MM.

Pelajar IIC yang mengambil bahagian ialah Muhammad Ammar Noordin, Mohammad Luqman Nur Hakim Md Zim, Muhammad Mashfuzul Hilmi Mohd Adnan, Mohd Kamal Abdul Rahim, Nurul Ajeerah Aqmal Ghazali, Nurul Ayu Shuhara Hashim dan Raja Fatin Farhana Raja Ainal Shah.

Selain IIC, program anjuran RELA itu turut disertai pelajar Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTM) dan Institut Latihan Perindustrian Kuala Lumpur (ILPKL).

Upacara penutup program tiga hari itu disempurnakan oleh Pemandu Timbalan Ketua Pengarah (Operas) RELA Malaysia, Kamarudin Mohd Rapiq.

Pada program itu, UniMAP muncul juara keseluruhan dengan mengumpul 3,302 mata.



Sebahagian daripada mahasiswa melafaz ikrar pada pembukaan program tiga hari itu.

Modul Prodigy bantu guru kaunseling

Kuala Lumpur Modul kaunseling 'Prodigy' yang dihasilkan pensyarah Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) bukan sahaja mendapat sambutan di dalam negara, malah di luar negara seperti Indonesia.

Pensyarah kanan UPSI yang juga pengasas Prodigy, Ab Aziz Mohd Yatim berkata, beliau dijemput membimbing dan mengendalikan latihan untuk 30 guru bimbingan dan kaunseling dari Indonesia bagi sesi Latihan Pengendalian Disiplin Pelajar Melalui Pendekatan Prodigy yang diadakan di sini, baru-baru ini.

Sebelum itu, katanya, kumpulan guru terbabit mengikuti kursus pertama di Jakarta pada Mei lalu dan keberkesannya mendorong kursus berkenaan diadakan lagi di Kuala Lumpur.

"Kursus kali kedua itu turut membabitkan 10 guru bimbingan dan kaunseling dari Negeri Sembilan bagi memahami dan mendalami pendekatan kreatif serta berkesan yang perlu diterokai.

"Menerusi kursus berkenaan, mereka berpeluang mengikuti modul cara menjalankan program untuk pelajar yang bermasalah seterusnya mengubah mereka kepada pelajar yang lebih baik dan berdisiplin," katanya.

Unik dan kreatif

Sementara itu, Dr Tuti Sukarni dari sebuah Sekolah Menengah Atas (SMA) Indonesia, berkata beliau amat berpuas hati dan menyimpan hasrat untuk mengikuti latihan berkenaan lagi pada masa akan datang.

"Selepas kali kedua mengikuti



Peserta bergambar kenangan bersama-sama Ab Aziz (tengah).

kursus ini, saya dapat mengesan sesuatu yang unik dan kreatif dalam mengendalikan masalah disiplin pelajar, bagaimana hendak meningkatkan prestasi akademik sekolah," katanya.

Bagi Dr Esther Asianita yang juga Pengerusi Permesyuaratan Guru Bimbingan dan Kaunseling Jakarta, keberkesanan modul Prodigy menyemarakkan semangatnya untuk berusaha memperluas pendekatan berkenaan kepada seramai

mungkin guru bimbingan dan kaunseling di seluruh Indonesia melalui Permuayaran Guru BK SelIndonesia.

"Ramai lagi guru bimbingan dan kaunseling di Indonesia yang perlukan pendedahan sebegini bagi menjadikan mereka lebih kreatif dan inovatif dalam menjalankan tugas sebagai guru kaunseling di sekolah," katanya.

Dalam perkembangan sama,

Ab Aziz berkata, pihaknya akan menumpukan pengendalian latihan Prodigy di Indonesia dan bangga produk dari UPSI mendapat perhatian cukup mengagumkan di negara itu.

"Pihak dari Indonesia bercadang untuk mengadakan fasa ketiga di Bandung atau Jakarta dan ini sekali gus membuktikan produk berkenaan mendapat pengiktirafan secara tidak langsung di luar negara," katanya.